



MALAYSIA

Warta Kerajaan
 SERI PADUKA BAGINDA
 DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 31
 No. 14

9hb Julai 1987

TAMBAHAN No. 13
AKTA

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan untuk makluman umum:

The national language text of the following revised law is hereby published for general information:

No.	Tajuk ringkas
Akta 297	... Akta Pencegahan Jenayah 1959



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 297

AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959

(Disemak—1983)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Prevention of Crime Act 1959* sebagaimana disemak dalam tahun 1983. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak hingga 8hb Julai 1983

Tarikh ditetapkan untuk mula
berkuatkuasa 19hb Januari 1984

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 29hb Disember 1983



Dikanunkan dalam tahun 1959 sebagai Ordinan P.T.M. No. 13
Tahun 1959.

Dicetak semula dalam tahun 1973.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 297

AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959

(Disemak—1983)

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN I

KUASA MENANGKAP DAN MENAHAN

3. Menangkap dan mengemukakan di hadapan seorang Majistret.
4. Prosedur di hadapan Majistret.
5. Kewajipan mengemukakan orang dalam jagaan di hadapan seorang Majistret.
6. Orang dalam jagaan hendaklah dibawa di hadapan Pegawai Siasatan.
7. Pelepasan orang yang ditahan dalam jagaan.

BAHAGIAN II

SIASATAN

8. Perlantikan Pegawai Siasatan.
9. Kewajipan dan kuasa Pegawai Siasatan.
10. Laporan Pegawai Siasatan.
11. Kajian semula oleh Menteri akan keputusan Pegawai Siasatan.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Seksyen

12. Pendaftaran orang-orang yang dipercayai menjadi anggota-anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan.
13. Orang yang akan didaftarkan hendaklah hadir di hadapan pegawai polis.
14. Mengeluarkan nama daripada Daftar.

BAHAGIAN IV

AKIBAT PENDAFTARAN

15. Pengawasan polis.
16. Orang berdaftar tidak boleh bergaul dengan orang-orang berdaftar lain.
17. Penalti dua kali ganda bagi jenayah keganasan.
18. Orang berdaftar yang membuang masa di tempat awam, dll.
19. Perlindungan.

BAHAGIAN V

AM

20. Kuasa polis untuk menyiasat.
- 20A. Tangkap.
21. Mengambil dan memusnahkan gambarfoto dan cap jari.
22. Kuasa untuk mengubah Jadual.
23. Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 297

AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959

(Disemak—1983)

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pencegahan jenayah yang lebih efektif di Malaysia Barat dan bagi pengawalan penjenayah-penjenayah, anggota-anggota kongsi gelap dan orang-orang lain yang tak diingini, dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[*Ihb April 1959.*] [P.U. 85/59.]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Tajuk ringkas.

(2) Akta ini terpakai hanya di Malaysia Barat sahaja.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna lain— Tafsiran.

“daerah, mukim, bandar atau kampung” ertinya tanah termasuk dalam mana-mana daerah, mukim, bandar atau kampung di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa berhubungan dengan tanah;

“Daftar” ertinya daftar yang disimpan oleh Pendaftar di bawah seksyen 12;

“kategori boleh didaftarkan” ertinya mana-mana kategori yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Tafsiran 1967 dan meliputi Wilayah Persekutuan. 23/67.

“orang berdaftar” ertinya seseorang yang namanya dimasukkan ke dalam Daftar;

“Pegawai Siasatan” ertinya seseorang pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 8;

Akta 7. “Pendaftar” ertinya Pendaftar Penjenayah yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-orang yang Tak Diingini 1969;

[*Pin. Akta A324.*] (2) Sebutan mengenai pengawasan polis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai obligasi yang dikenakan ke atas orang-orang yang tertakluk kepada pengawasan polis di bawah seksyen 296 Kanun Prosedur Jenayah.

Bab 6.

BAHAGIAN I

KUASA MENANGKAP DAN MENAHAN

Menangkap dan mengemukakan di hadapan seorang Majistret. 3. (1) Seorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang jika dia mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan siasatan diadakan mengenai kes orang tersebut di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1), melainkan terlebih dahulu dilepaskan, hendaklah dibawa tanpa kelengahan yang tak munasabah, dan dalam mana-mana hal dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa bagi perjalanan yang perlu) di hadapan seorang Majistret.

Prosedur di hadapan Majistret. 4. (1) Apabila mana-mana orang dibawa di hadapan seorang Majistret di bawah seksyen 3 (2) Majistret hendaklah—

(a) atas pengemukakan pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada seorang Penolong Penguasa yang menyatakan bahawa ada alasan-alasan bagi mempercayai bahawa nama orang itu patut dimasukkan ke

dalam Daftar, menahan orang itu dalam jagaan polis bagi tempoh selama empat belas hari; atau

- (b) jika tiada pernyataan sedemikian dikemukakan, dan tiada alasan-alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah mengarahkan pelepasannya.

(2) Mana-mana orang yang ditahan di bawah subseksyen (1) (a), melainkan terlebih dahulu dilepaskan, hendaklah pada atau selepas habis tempoh yang dia ditahan dibawa di hadapan seorang Majistret, yang hendaklah—

(a) atas pengemukaan—

- (i) suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh Pendakwa Raya atau seorang Timbalan Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa pada pendapatnya ada keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan diadakan suatu siasatan di bawah seksyen 9; dan

- (ii) suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa yang menyatakan bahawa adalah dicadangkan untuk diadakan suatu siasatan mengenai kes orang tersebut di bawah seksyen 9,

memerintahkan orang itu ditahan dalam jagaan bagi tempoh dua puluh lapan hari; atau

- (b) jika tiada pernyataan sedemikian dikemukakan, dan tiada alasan-alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, mengarahkan pelepasannya.

Kewajipan
mengen-
mukakan
orang
dalam
jagaan di
hadapan
seorang
Majistret.

5. (1) Apabila habis tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen 4 (2) (a) orang yang ditahan dalam jagaan di bawahnya, jika tidak terlebih dahulu dilepaskan, hendaklah dibawa di hadapan seorang Majistret, yang hendaklah—

(a) jika berpuas hati bahawa telah berlaku kelengahan yang tak munasabah dalam menyelesaikan prosiding di bawah Akta ini, dan tiada alasan-alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, mengarahkan pelepasannya;

(b) dalam apa jua hal lain memerintahkan supaya orang itu ditahan dalam jagaan atau mengarahkan supaya dia tertakluk di bawah pengawasan polis, bagi sesuatu tempoh lanjut, tidak melebihi dua puluh lapan hari, sebagaimana dia fikirkan perlu bagi maksud menyelesaikan prosiding di bawah Akta ini.

(2) Apabila habis tempoh mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) (b) mana-mana orang yang ditahan dalam jagaan di bawahnya, melainkan terlebih dahulu dilepaskan, (dan sama ada atau tidak prosiding di bawah Akta ini telah diselesaikan) hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret yang hendaklah, jika tiada alasan-alasan lain yang menahan orang itu dengan sah, sesudah itu mengarahkan pelepasannya.

Orang
dalam
jagaan
hendaklah
dibawa di
hadapan
Pegawai
Siasatan.

6. Tiap-tiap orang yang ditahan dalam jagaan di bawah seksyen 4 atau 5, jika tidak terlebih dahulu dilepaskan, hendaklah dengan secepat mungkin dibawa di hadapan Pegawai Siasatan.

Pelepasan
orang
yang
ditahan
dalam
jagaan.

7. Mana-mana orang yang ditahan dalam jagaan di bawah seksyen 4 atau 5 boleh pada bila-bila masa dibawa di hadapan seorang Majistret, jika tiada alasan-alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah—

(a) hendaklah mengarahkan pelepasannya jika dikemukakan kepadanya suatu pernyataan

bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa yang menyatakan dia tidak bercadang untuk meneruskan siasatan mengenai kes orang tersebut di bawah seksyen 9; atau

- (b) dalam apa jua hal lain, atas permohonan seorang pegawai polis boleh mengarahkan pelepasannya tertakluk kepada—
- (i) pelaksanaan suatu bon oleh orang itu dengan atau tanpa penjamin, bagi kehadiran dengan sewajar di tempat atau tempat-tempat tersebut dan pada masa atau masa-masa tersebut dan dalam apa-apa tempoh tidak melebihi empat puluh dua hari, sebagaimana diarahkan oleh Majistret; atau
 - (ii) pengawasan polis bagi apa-apa tempoh tidak melebihi empat puluh dua hari sebagaimana diarahkan oleh Majistret.

BAHAGIAN II

SIASATAN

8. Menteri boleh secara bertulis dan ditandatangani melantik mana-mana orang melalui nama atau jawatan, dan sama ada am atau pada mana-mana hal tertentu, untuk menjadi Pegawai Siasatan bagi maksud-maksud Akta ini: dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai polis boleh dilantik untuk menjadi seorang Pegawai Siasatan.

Perlantikan
Pegawai
Siasatan.

9. (1) Jika mana-mana orang dibawa di hadapan seorang Pegawai Siasatan di bawah seksyen 6, Pegawai Siasatan itu hendaklah menyiasat dan melaporkan secara bertulis kepada Menteri sama ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang itu ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan.

Kewajipan
dan kuasa
Pegawai
Siasatan.

(2) Sesuatu siasatan yang diadakan di bawah subseksyen (1) hendaklah diadakan dengan cara dan menurut prosedur sebagaimana diarahkan oleh Menteri.

(3) Seorang Pegawai Siasatan boleh, bagi maksud mana-mana siasatan di bawah Akta ini—

- (a) memperolehi dan menerima semua keterangan, sama ada lisan atau bertulis dan sama ada boleh-terima atau tidak boleh-terima di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa berhubungan dengan keterangan atau prosedur jenayah, yang difikirkannya perlu atau diinginkan;
- (b) memanggil dan memeriksa saksi-saksi atas sumpah atau ikrar, dan boleh bagi maksud-maksud tersebut mengendali apa-apa sumpah atau ikrar;
- (c) menghendaki dikemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang pada pendapatnya adalah relevan kepada siasatan itu;
- (d) jika dipertimbangkannya perlu bagi kepentingan awam, menerima keterangan walaupun orang yang menjadi hal-perkara siasatan itu tidak hadir;

Dengan syarat bahawa jika apa-apa keterangan sedemikian diterima, Pegawai Siasatan hendaklah memberitahu orang itu tentang isi keterangan itu, setakat mana yang dipertimbangkannya bersesuaian dengan kepentingan awam, dan hendaklah dalam tiap-tiap hal sedemikian memasukkan dalam mana-mana laporan yang dibuat di bawah seksyen 10 (2) suatu pernyataan mengenai hal keadaan dalam mana keterangan itu telah diterima.

(4) Mana-mana orang yang disaman sebagai seorang saksi di bawah subseksyen (3) yang tanpa alasan yang munasabah tidak hadir pada masa dan tempat yang disebut dalam saman itu atau yang, setelah hadir, enggan menjawab mana-mana soalan yang

dikemukakan kepadanya dengan sah atau enggan mengemukakan apa-apa dokumen atau benda yang ada dalam kuasanya untuk mengemukakan, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

10. (1) Jika Pegawai Siasatan berpuas hati bahawa tiada alasan-alasan yang mencukupi bagi mempercayai bahawa orang yang menjadi hal-perkara siasatan ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan, dia hendaklah dengan serta-merta mengarah mana-mana orang yang mempunyai jagaan orang tersebut, dalam masa dua puluh empat jam daripada penerimaan arahan itu, mengemukakan orang itu di hadapan seorang Majistret, yang hendaklah sesudah itu melepaskan perintah tahanan yang dibuat di bawah seksyen 4 atau 5 dan, jika tiada alasan-alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, hendaklah memerintahkan pelepasannya dengan serta-merta.

Laporan
Pegawai
Siasatan.

(2) Jika Pegawai Siasatan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang yang menjadi hal-perkara siasatan ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan, dia hendaklah melaporkan alasan-alasan bersama dengan dapatannya, kepada Menteri, dan hendaklah memajukan suatu salinan dapatannya kepada pegawai yang menjaga orang itu, dan pegawai tersebut hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu salinan dapatan Pegawai Siasatan kepada orang itu.

11. (1) Mana-mana orang yang telah menjadi hal-perkara suatu siasatan yang tidak berpuas hati dengan mana-mana dapatan yang dibuat di bawah seksyen 10 (2) boleh dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian suatu salinan dapatan kepadanya, melalui notis bertulis meminta Menteri mengkaji semula dapatan itu.

Kajian
semula
oleh
Menteri
akan
keputusan
Pegawai
Siasatan.

(2) Dalam membuat pengkajian semula di bawah subseksyen (1), Menteri hendaklah, dan selepas menimbangkan nasihat seorang pegawai undang-undang mengenainya—

- (a) mengesahkan dapatan yang dibuat di bawah seksyen 10 (2); atau
- (b) mengakaskan dapatan itu:

Dengan syarat bahawa jika Menteri mengakaskan mana-mana dapatan sedemikian, dan jika orang yang membuat permintaan itu masih berada dalam jagaan, Menteri hendaklah dalam masa dua puluh empat jam selepas keputusannya dibuat, mengarahkan orang itu dibawa di hadapan seorang Majistret, yang hendaklah sesudah itu melepaskan perintah tahanan orang itu dan, jika tiada alasan-alasan lain bagi menahan orang itu dengan sah, hendaklah mengarahkan pelepasannya dengan sertamerta.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Pendaftaran orang-orang yang dipercayai menjadi anggota-anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan.

12. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu Daftar bagi maksud-maksud Akta ini, yang di dalamnya dimasukkan nama setiap orang—

- (a) yang dilaporkan oleh seorang Pegawai Siasatan adalah seorang yang berkenaan dengannya ada alasan-alasan yang munasabah bagi dipercayai bahawa dia adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan; dan
- (b) yang tidak meminta kajian semula di bawah seksyen 11, atau berkenaan dengannya Menteri telah mengesahkan dapatan yang dibuat di bawah seksyen 10 (2),

bersama dengan butir-butir lain sebagaimana ditetapkan.

(2) Menteri boleh, jika difikirkannya adalah bagi ketenteraman atau keselamatan awam untuk berbuat demikian, dengan atau tanpa siasatan di bawah Akta ini mengarah Pendaftar untuk memasukkan nama ke dalam Daftar, dan apa-apa butir sebagaimana ditetapkan, mengenai mana-mana orang yang adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan yang ditetapkan di dalam Bahagian II Jadual Pertama.

13. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor boleh melalui perintah bertulis mengarahkan supaya hadir di hadapannya pada masa dan tempat sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu mana-mana orang yang namanya dikehendaki dimasukkan ke dalam Daftar, bagi maksud—

Orang yang akan didaftarkan hendaklah hadir di hadapan pegawai polis.

- (a) mengambil cap jari dan gambarfoto orang itu;
- (b) mendapat apa-apa butir lain berhubungan dengan orang itu sebagaimana ditetapkan atau sebagaimana perlu bagi melaksanakan pendaftaran sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang tidak hadir sebagaimana diarahkan, seorang pegawai polis boleh melaporkan hal ketakhadiran itu kepada Majistret yang hendaklah sesudah itu mengeluarkan suatu waran untuk menjamin kehadiran orang itu sebagaimana dikehendaki.

14. Menteri boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya mengarahkan Pendaftar mengeluarkan nama mana-mana orang daripada Daftar, dan sesudah itu orang itu adalah terhenti daripada menjadi seorang berdaftar, melainkan dan sehingga namanya dimasukkan semula berikutnya ke dalam Daftar menurut seksyen 12.

Mengeluarkan nama daripada Daftar.

BAHAGIAN IV

AKIBAT PENDAFTARAN

Pengawasan
polis.
[Pin.
AKta 6/66.]

15. (1) Menteri boleh melalui perintah mengarahkan mana-mana orang berdaftar yang dinamakan dalam perintah itu supaya tertakluk kepada pengawasan polis bagi apa-apa tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh membaharui mana-mana perintah sedemikian bagi tempoh atau tempoh-tempoh lanjutan tidak melebihi lima tahun pada sesuatu masa; dan orang berdaftar itu hendaklah dihantarkan di bawah pengawasan polis ke Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung yang mana dia dikehendaki bermastautin di bawah subseksyen (2) (jika ada).

(2) Mana-mana orang yang diletakkan di bawah pengawasan polis melalui perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah juga tertakluk kepada semua atau mana-mana sekatan berikut, sebagaimana Menteri boleh melalui perintah mengarahkan—

- (a) dia adalah dikehendaki bermastautin di dalam mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (b) dia tidaklah dibenarkan berpindah ke mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung lain, mengikut mana yang berkenaan, tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Polis mana-mana Negeri yang berkenaan;
- (c) kecuali setakat mana yang diperuntukkan selainnya oleh perintah itu, dia tidaklah boleh meninggalkan Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung yang di dalamnya dia bermastautin tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Polis Negeri yang berkenaan;
- (d) dia hendaklah pada setiap masa memberitahu Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana dia bermastautin mengenai rumah atau tempat di mana dia bermastautin;

- (e) dia hendaklah menghadirkan dirinya di balai polis yang terdekat pada masa atau masa-masa sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu;
- (f) dia hendaklah berada dalam rumah, atau dalam kawasan sebagaimana ditakrifkan dalam perintah itu, pada masa-masa sebagaimana ditetapkan dalam perintah itu, melainkan dia telah mendapat kebenaran khas sebaliknya daripada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis;
- (g) kecuali setakat mana yang diperuntukkan selainnya oleh perintah itu, dia tidaklah dibenarkan untuk memasuki mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung yang dinyatakan dalam perintah.

(3) Menteri boleh dari semasa ke semasa, melalui perintah bertulis yang disampaikan kepada orang berdaftar itu, mengubah, membatalkan atau menambah kepada mana-mana sekatan yang dikenakan di bawah seksyen ini.

(4) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana perintah atau sekatan yang dikenakan ke atasnya di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun dan tidak kurang daripada dua tahun.

16. (1) Tiada mana-mana orang berdaftar boleh bergaul dengan atau secara lazimnya berkawan dengan mana-mana orang berdaftar lain tanpa kebenaran Pegawai yang Menjaga Daerah Polis dalam mana dia bermastautin, melainkan dia membuktikan bahawa dia tidak tahu dan tidak mempunyai sebab untuk mengesyakki bahawa orang lain itu adalah orang berdaftar.

Orang berdaftar tidak boleh bergaul dengan orang-orang berdaftar lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Penalti
dua kali
ganda bagi
jenayah
keganasan.

17. Mana-mana orang berdaftar yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan selepas tarikh kemasukan namanya ke dalam Daftar di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua boleh dikenakan penjara selama tempoh dua kali ganda tempoh maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya apabila disabitkan ke atas kesalahan itu, dan juga sebat.

Orang
berdaftar
yang
membuang
masa di
tempat
awam, dll.

18. Mana-mana orang berdaftar yang—

- (a) dijumpai antara masuk matahari dan matahari terbit, selalu berada atau merayau-rayau di atau dekat mana-mana tempat awam atau di atau berhampiran dengan mana-mana tempat hiburan awam; atau
- (b) pada bila-bila masa didapati bersama dengan dua orang berdaftar atau lebih; atau
- (c) pada bila-bila masa dijumpai di atau dekat mana-mana tempat di mana perbuatan keganasan atau pecah keamanan dilakukan atau baharu dilakukan,

dan dia tidak dapat dengan memuaskan menjelaskan tentang kehadirannya di tempat atau pada masa itu atau bersama dengan orang-orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara selama tempoh satu tahun atau denda satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perlindungan.

19. (1) Mana-mana orang yang dengan diketahuinya menyembunyi atau melindungi mana-mana orang yang memasuki mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung berlanggaran dengan mana-mana perintah di bawah seksyen 15 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya: dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi hal seorang isteri yang melindungi atau menyembunyikan suaminya atau seorang suami yang melindungi atau menyembunyikan isterinya.

(2) Mana-mana orang yang menyedari kehadiran mana-mana orang dalam mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung, yang bukannya suami atau isteri orang yang pertama disebut itu, yang telah diperintahkan supaya jangan memasuki mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung atau telah diperintahkan supaya bermastautin di mana-mana Negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung lain, dan juga menyedari perbuatan perintah sedemikian, hendaklah jika tidak ada alasan yang munasabah, bukti baginya adalah terletak ke atasnya, dengan serta-merta memberi maklumat mengenainya kepada pegawai polis atau Majistret yang terdekat, dan jika tidak berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

AM

20. (1) Jika seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang menwarkan siasatan diadakan mengenai kes mana-mana orang di bawah Akta ini dia atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat rendah daripadanya dan bertindak di bawah perintahnya boleh menyiasat mengenai fakta dan hal keadaan kes itu setakat mana ianya adalah relevan kepada mana-mana prosiding berkenaan dengan orang itu di bawah Akta ini.

Kuasa
polis
untuk
menyiasat.

(2) Pada membuat apa-apa penyiasatan di bawah subseksyen (1) seorang pegawai polis boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa berhubungan dengan penyiasatan polis dalam mana-mana kes boleh tangkap yang telah diberikan kepadanya oleh undang-undang yang sedang berkuatkuasa berhubungan dengan prosedur jenayah.

Tangkap.
[Mas.
Akta 26/60.]

20A. Seorang pegawai polis boleh tanpa suatu waran menangkap mana-mana orang jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu telah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 16, 18 atau 19 dan setiap kesalahan sedemikian boleh ditangkap dan tidak boleh jamin bagi maksud-maksud Kanun Prosedur Jenayah.

Bab 6.

Mengambil
dan
memusnahkan
gambarfoto
dan
cap jari.

21. (1) Seorang pegawai polis boleh mengambil atau menyebabkan diambil gambarfoto atau cap jari mana-mana orang yang ditangkap di bawah seksyen 3 (1), atau yang namanya dikehendaki dimasukkan ke dalam Daftar di bawah seksyen 12 (2) dan hendaklah menghantar gambarfoto dan cap jari itu kepada Pendaftar bagi maksud pengenalandan laporan; dan setiap orang sedemikian adalah terikat di sisi undang-undang untuk membenarkan diambil gambarfoto dan cap jarinya, dan boleh dipaksanya dengan cara kekerasan jika perlu.

(2) Mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang di bawah subseksyen (1) untuk membenarkan diambil gambarfoto atau cap jarinya enggan atau tidak membenarkan diambil gambarfoto atau cap jarinya apabila diminta adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan atau denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau kedua-duanya.

(3) Apabila—

(a) mana-mana orang yang gambarfoto dan cap jarinya telah diambil di bawah seksyen ini dilepaskan di bawah seksyen 4, 5, 7, 10 atau 11; atau

(b) nama mana-mana orang dikeluarkan daripada Daftar di bawah seksyen 14,

pegawai yang mengendalikan kes itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pendaftar mengenainya, dan Pendaftar hendaklah, atas permohonan orang itu, menghantar kepada orang itu kertas yang di atasnya

cap jarinya telah dibuat, bersama dengan negatif dan kesemua salinan mana-mana gambarfoto orang itu yang telah diambil dan dimajukan kepada Pendaftar di bawah seksyen ini; dan jika tiada permohonan sedemikian diterima dalam masa tiga bulan daripada tarikh pelepasan atau pengeluaran itu Pendaftar hendaklah memusnahkan kertas dan setiap negatif dan gambarfoto sedemikian.

22. Dewan Rakyat boleh melalui ketetapan memotong mana-mana peruntukan daripada atau menambah kepada atau mengubah peruntukan-peruntukan Jadual-jadual.

Kuasa
untuk
mengubah
Jadual.
[Pin.
Akta 23/67.]

23. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini.

Peraturan-
peraturan.

(2) Tanpa menyentuh keluasan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan bentuk Daftar, dan apa-apa borang lain sebagaimana perlu atau dikehendaki untuk digunakan berkaitan dengan perkara-perkara yang diuruskan di dalam Akta ini atau di dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) menghendaki kesemua atau mana-mana kelas orang berdaftar untuk membawa kad pengenalan, memperuntukkan bentuk, pengeluaran, penghasilan, pemeriksaan pembatalan, pengubahan, endorsemen ke atas dan pengembalian kad-kad itu, dan penggantinya dengan kad pengenalan yang dikeluarkan kepada orang-orang itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, dan bagi semua perkara lain yang perlu atau dikehendaki berkaitan dengan kad-kad atau pelaksanaannya atau penguatkuasaan peraturan-peraturan, termasuk penetapan

penalti-penalti yang tidak lebih daripada berkaitan dengan mana-mana kesalahan denda lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tiga tahun atau kedua-duanya;

(c) memperuntukkan bagi apa-apa perkara lain yang di bawah Akta ini dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan.

(3) Semua peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan dengan secepat mungkin di Dewan Rakyat, dan jika ketetapan Dewan Rakyat diluluskan dalam masa tiga bulan berikutnya selepas mana-mana perintah atau peraturan sedemikian, mengikut mana yang berkenaan, dibentangkan di Dewan Rakyat bahawa perintah atau peraturan hendaklah dibatalkan, maka perintah atau peraturan itu hendaklah sejak dari itu menjadi tak sah, tetapi tanpa menjejaskan keesahan apa-apa yang dibuat sebelumnya di bawahnya, atau kepada pembuatan mana-mana perintah atau peraturan baharu.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2 dan 22)

KATEGORI BOLEH DIDAFTARKAN

BAHAGIAN I

1. Semua anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang yang—

- (i) menggunakan upacara *Triad*; atau
- (ii) ditubuhkan atau digunakan bagi maksud-maksud yang melibatkan perlakuan kesalahan-kesalahan boleh tangkap di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa berhubungan dengan prosedur jenayah; atau
- (iii) merahsiakan tujuan-tujuannya.

2. Orang-orang yang menganggotai mana-mana kumpulan, badan, gerombolan atau persatuan seramai lima orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan-kesalahan yang melibatkan keganasan atau pemerasan.

3. Semua pengedar opium, candu, bhang atau dadah merbahaya lain, sama ada sama jenisnya dengan opium, candu dan bhang atau tidak.
4. Semua pedagang yang mendagangkan wanita dan gadis, termasuk orang-orang yang menyara hidupnya keseluruhannya atau sebahagiannya dengan hasil pelacuran.
5. Semua orang yang lazimnya terlibat dalam pengelolaan dan pemajuan judi haram.

BAHAGIAN II

(Seksyen 12 (2))

1. Semua orang, yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun, telah semenjak mencapai umur tujuh belas tahun telah disabitkan sekurang-kurangnya tiga kali di atas kesalahan-kesalahan yang melibatkan kecurangan atau keganasan.
2. Semua orang, yang telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan terhadap seksyen 52 (3) Akta Pertubuhan 1966. *13/66.*
3. Semua orang yang pada bila-bila masa telah menjadi hal-perkara perintah buang negeri di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa berhubungan dengan buang negeri, sama ada perintah itu telah dimansuhkan atau dibatalkan atau luput-pakai.
4. Semua orang yang menjadi hal-perkara perintah-perintah di bawah Enakmen Kediaman Terhad bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *N.M.B.
Bab 39.*

JADUAL KEDUA

(Seksyen 17 dan 22)

1. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 42, 43, 44 dan 52 Akta Pertubuhan. *13/66.*
2. Kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, seperti berikut:

Seksyen 323, 324, 325, 327, 332, 333, 346, 347, 352, 353, 356, 357, 365, 384 hingga 387, 392, 393, 399, 401, 402, 447, 448, 450 hingga 458 dan Bab V dan seksyen 511. *Bab 45.*
3. Kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958. *43/58.*

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 297

AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959

(Disemak—1983)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Akta 26/60 ...	Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 1960	30-7-1960
Akta 6/66 ...	Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 1966	27-1-1966
Akta 13/66 ...	Akta Pertubuhan 1966	... 1-2-1966
Akta 23/67 ...	Akta Tafsiran 1967 18-5-1967
Akta 7 ...	Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-orang yang Tak Diingini 1969	2-5-1969
Akta 160 ...	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-8-1975
Akta A324 ...	Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976	10-1-1976

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Ordinan P.T.M. No. 13 Tahun 1959	Ordinan Pencegahan Jenayah 1959: